

**CIDB OFFICIAL CIRCULAR
REGARDING UBBL 1984**



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING CIDB BIL.3/2023

PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN YANG MENANDATANGANI BORANG G BERDASARKAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984 (PINDAAN 2021)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan bagi memaklumkan semua pemain industri pembinaan mengenai keputusan Kerajaan yang menetapkan kelayakan Pengurus Projek Binaan yang menandatangani Borang G berdasarkan UKBS 1984 (Pindaan 2011).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1** UKBS 1984 merupakan undang-undang yang menggariskan keperluan minima berhubung dengan pembinaan jalan, parit dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia. Undang-undang ini merupakan ketetapan yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti pembinaan.
- 2.2** Pada 13 Julai 2021, mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke-78 telah meluluskan pindaan terhadap UKBS. Antara pindaan yang telah diluluskan adalah keperluan bagi projek binaan diselia secara sepenuh masa oleh Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan yang telah diperaku dan diakredit oleh CIDB Malaysia. Perkara ini adalah sebagaimana yang digariskan di bawah Undang-Undang Kecil 5.
- 2.3** Selain itu, pindaan juga meluluskan supaya Borang G yang dikemukakan untuk mendapatkan perakuan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) diperakukan oleh Pengurus Projek Binaan yang diperaku dan diakredit oleh CIDB Malaysia.

3.0 PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN YANG MENANDATANGANI BORANG G BERDASARKAN UKBS 1984 (PINDAAN 2021)

3.1 Takrifan yang digunapakai bagi menjelaskan maksud Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan adalah seperti berikut :

Pengurus Projek Binaan – Merujuk kepada mereka yang ditauliahkan sebagai *Certified Construction Project Manager (CCPM)* atau *Certified Construction Manager (CCM)* oleh CIDB Malaysia.

Penyelia Tapak Binaan – Merujuk kepada mereka yang ditauliahkan sebagai *Certified Construction Site Supervisor (CCSS)* oleh CIDB Malaysia.

3.2 Bagi pemerakuan Borang G, kelayakan Pengurus Projek Binaan yang dibenarkan untuk memperaku adalah seperti berikut :


Kos Pembinaan Projek	Kelayakan Pengurus Projek Binaan
RM20juta dan ke atas (>RM20juta)	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> .
Melebihi RM1juta sehingga RM20juta	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> ; atau c. Personel Binaan yang memiliki kelayakan minima Diploma dalam bidang teknikal berkaitan pembinaan dan berdaftar dengan CIDB di bawah kategori Pengurus Projek Binaan (kontraktor Gred G4, G5, G6 dan G7).
RM1juta dan ke bawah	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> ; atau c. Personel Binaan yang memiliki kelayakan minima Diploma dalam bidang teknikal berkaitan pembinaan dan berdaftar dengan CIDB di bawah kategori Pengurus Projek Binaan; atau d. <i>Certified Construction Site Supervisor (CCSS)</i> .

3.0 IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN

Kegagalan pemain industri untuk memenuhi ketetapan ini boleh mengakibatkan permohonan bagi mendapatkan Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC) ditolak oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”



(DATUK IR. AHMAD 'ASRI BIN ABDUL HAMID)

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh : 27 Mac 2023